



**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88832539  
Faks : 03-88833817

Ruj. Kami: KKM.500-8/2/86 (13)  
Tarikh: 15 Oktober 2024

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

*YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,*

**PENETAPAN KETUA JABATAN BAGI URUSAN PENAWARAN OPSYEN  
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ tuan/ puan sedia maklum, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 (PP Bil. 1/2024) - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2024 (PP Bil. 2/2024) - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (Kumpulan Pengurusan Tertinggi) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.
3. Pekeliling Perkhidmatan ini merupakan punca kuasa bagi pelaksanaan sistem saraan baharu yang merangkumi aspek pembangunan organisasi, kemampunan saraan dan pengurusan bakat. Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) akan ditawarkan menerusi dua (2) kaedah iaitu tawaran opsyen kepada pegawai lantikan tetap serta tawaran secara pelarasan bagi pegawai lantikan kontrak (*contract of service*) dan pegawai lantikan kontrak interim.
4. Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana (pegawai lantikan tetap), tawaran opsyen SSPA melibatkan lima (5) kategori opsyen seperti berikut:



- (a) Opsyen bagi skim perkhidmatan dikekalkan;
  - (b) Opsyen bagi skim perkhidmatan yang dinaik taraf dengan kelayakan masuk peringkat SPM;
    - B1: Skim perkhidmatan digabung ke skim perkhidmatan baharu;
    - B2: Skim perkhidmatan dinaik taraf ke skim perkhidmatan berkeelayakan SPM; dan
    - B3: Skim perkhidmatan dijumlahkan ke skim perkhidmatan berkuat kuasa;
  - (c) Opsyen bagi skim perkhidmatan dijumlahkan ke skim perkhidmatan berkuat kuasa;
  - (d) Opsyen bagi skim perkhidmatan dijumlahkan di bawah SSM; dan
  - (e) Opsyen bagi pegawai kekal dalam skim perkhidmatan di bawah Jawatankuasa Kabinet 1976 dan SSB serta jawatan dihapuskan.
5. Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi (pegawai lantikan tetap) pula, tawaran opsyen SSPA melibatkan dua (2) kategori opsyen seperti berikut:
- (a) skim perkhidmatan berkuat kuasa di bawah SSPA; dan
  - (b) skim perkhidmatan dijumlahkan ke skim perkhidmatan berkuat kuasa seperti pada Jadual 4, PP Bil. 2/2024.
6. Bagi mewujudkan keseragaman, urusan penawaran opsyen SSPA di KKM ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Urusetia Penyediaan Dokumen Opsyen	Ketua Jabatan (peranan menawarkan opsyen)
<b>6.1. Kumpulan Pengurusan Tertinggi di KKM</b>			
	(i) Ketua Setiausaha (ii) Ketua Pengarah Kesihatan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	Setiausaha BKP
	(iii) Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Ibu Pejabat KKM		
	(iv) Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)/ Institusi/ Hospital Kuala Lumpur (HKL)/ fasiliti kesihatan	Unit Sumber Manusia di JKN/ Institusi/ HKL/ fasiliti kesihatan	PKN/Pengarah HKL/Ketua Institusi/ TPKN (Pengurusan)/TP HKL (Pengurusan)/TP Institusi (Pengurusan)  Ketua Unit Sumber Manusia  (Opsyen ditawarkan oleh salah satu Ketua Jabatan di atas mengikut kesesuaian)
<b>6.2. Ibu Pejabat KKM</b>			
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) serta Kumpulan Pelaksana (Gunasama/ Bukan Gunasama/ Kader)	BKP	SUB/Pengarah/Ketua Unit/ Ketua Cawangan/ Penasihat Undang-undang  Timbalan Setiausaha Bahagian/ Timbalan Pengarah Bahagian  (Opsyen ditawarkan oleh salah satu Ketua

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Urusetia Penyediaan Dokumen Opsyen	Ketua Jabatan (peranan menawarkan opsyen)
			Jabatan di atas mengikut kesesuaian)
<b>6.3. JKN/ HKL/ Institusi</b>			
	Kumpulan P&P serta Kumpulan Pelaksana (Gunasama/ Bukan Gunasama/ Kader)	Unit Sumber Manusia di JKN/ Institusi/HKL	PKN/ Pengarah HKL Ketua Institusi  Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri/ HKL/ Institusi  Ketua Cawangan/ Bahagian/ Seksyen/ Jabatan/ Pusat/ Unit  (Opsyen ditawarkan oleh salah satu Ketua Jabatan di atas mengikut kesesuaian)
<b>6.4. Hospital</b>			
	Kumpulan P&P serta Kumpulan Pelaksana (Gunasama/ Bukan Gunasama/ Kader) (selain HKL)	Unit Sumber Manusia di Hospital	Pengarah Hospital  Timbalan Pengarah Hospital  Ketua Cawangan/ Bahagian/ Seksyen/ Jabatan/ Pusat/ Unit  (Opsyen ditawarkan oleh salah satu Ketua Jabatan di atas mengikut kesesuaian)



Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Urusetia Penyediaan Dokumen Opsyen	Ketua Jabatan (peranan menawarkan opsyen)
6.5.	<b>Pejabat Kesihatan/ Pergigian/Farmasi (Daerah/ Bahagian/ Kawasan)</b>		
	Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana (Gunasama/ Bukan Gunasama/ Kader)	Unit Sumber Manusia di Pejabat Kesihatan/ Pergigian/Farmasi (Daerah/ Bahagian/ Kawasan)	Pegawai Kesihatan/ Pergigian/Farmasi (Daerah/ Bahagian/ Kawasan)  Ketua Cawangan/ Bahagian/ Seksyen/ Jabatan/ Pusat/ Unit  (Opsyen ditawarkan oleh salah satu Ketua Jabatan di atas mengikut kesesuaian)
6.6.	<b>Fasiliti Kesihatan KKM</b>		
	Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana (Gunasama/ Bukan Gunasama/ Kader)	Unit Sumber Manusia di fasiliti kesihatan	PKN/Timbangan PKN  Pengarah Hospital / Timbalan Pengarah Hospital  Pegawai Kesihatan/ Pergigian /Farmasi (Daerah/ Bahagian/ Kawasan)  Pegawai menyelia klinik  Ketua Cawangan/ Bahagian/ Seksyen/ Jabatan/ Pusat/ Unit  (Opsyen ditawarkan oleh salah satu Ketua

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Urusetia Penyediaan Dokumen Opsyen	Ketua Jabatan (peranan menawarkan opsyen)
			Jabatan di atas mengikut kesesuaian)
<b>6.7. Institut Latihan KKM (ILKKM)</b>			
	Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana (Gunasama/ Bukan Gunasama/ Kader)	Unit Sumber Manusia di ILKKM.	Pengarah/ Timbalan Pengarah ILKKM  Ketua Cawangan/ Bahagian/ Seksyen/ Unit  (Opsyen ditawarkan oleh salah satu Ketua Jabatan di atas mengikut kesesuaian)
<b>6.8. Pegawai Yang Sedang Cuti Belajar</b>			
	Pegawai sedang Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Simpanan Latihan (HLP)  (penempatan di Universiti/ Fasiliti, termasuk pegawai yang belum ditempatkan ke JSL)	Unit Jawatan Simpanan Latihan (JSL)	Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan (BPL)/ Timbalan Setiausaha BPL  Ketua Unit JSL  Ketua Unit Sumber Manusia di mana pegawai ditempatkan berdasarkan waran perjawatan  (Opsyen ditawarkan oleh salah satu Ketua Jabatan di atas mengikut kesesuaian)



Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Urusetia Penyediaan Dokumen Opsyen	Ketua Jabatan (peranan menawarkan opsyen)
	Pegawai sedang Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa HLP  (Tajaan Sendiri)	Unit Sumber Manusia di mana pegawai ditempatkan berdasarkan waran perjawatan.	Ketua Unit Sumber Manusia di mana pegawai ditempatkan berdasarkan waran perjawatan.
	Pegawai sedang Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa HLP  (Tajaan Luar)  (Contoh: MARA/JICA/ Program Fellowship KKM)	Unit Sumber Manusia di mana pegawai ditempatkan berdasarkan waran perjawatan.	

**Nota: Bagi pegawai yang tidak dapat ditentukan Ketua Jabatan atas sebab-sebab tertentu, Pegawai Penyelia atau Ketua Pengurus Sumber Manusia di mana pegawai ditempatkan ditakrifkan sebagai Ketua Jabatan.**

7. Pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan hendaklah memastikan pelaksanaan perkara-perkara berikut:

- (a) Unit Sumber Manusia menyediakan dokumen mengikut kategori opsyen yang ditetapkan dan mengemukakan kepada Ketua Jabatan yang diberi peranan untuk menawarkan opsyen;
- (b) opsyen dibuat dalam tempoh 40 hari mulai 21 Oktober 2024 hingga 30 November 2024;
- (c) Ketua Jabatan menyampaikan dokumen opsyen SSPA kepada pegawai seperti ditetapkan dalam PP Bil. 1/2024 dan PP Bil.2/2024;

- (d) pegawai dijelaskan mengenai opsyen SSPA dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (e) memastikan pegawai telah menanda (✓) dalam petak yang disediakan. Sekiranya terdapat sebarang simbol lain, catatan bersyarat atau apa-apa jua bentuk tulisan/ lukisan dalam borang opsyen, Ketua Jabatan atau pengurus sumber manusia perlu memohon pegawai untuk mengemukakan semula borang baharu dan ditanda (✓) dalam petak yang berkenaan sahaja; dan
- (f) mengumpul semula borang opsyen yang lengkap dan mengemas kini rekod perkhidmatan dalam HRMIS dan Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai.

8. Pertanyaan berhubung pelaksanaan opsyen SSPA boleh dikemukakan menerusi emel - [helpdesk\\_sspa@moh.gov.my](mailto:helpdesk_sspa@moh.gov.my).

9. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan memastikan kelancaran pelaksanaan opsyen SSPA ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' SRI SURIANI BINTI DATO' AHMAD)**



**s.k.**

KPK

TKSU(P)

TKSU(K)

TKPK(P)

TKPK(S&T)

TKPK(KA)

TKPK(KP)

TKPK(PF)

TKPK(KKM)



## SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Setiausaha Bahagian Kanan  
Bahagian Pembangunan
2. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
3. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan Dan Penswastaaan
4. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan
5. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan
6. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat
8. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Akaun
9. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pembangunan Kompetensi
10. Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
11. Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan
12. Pengarah  
Bahagian Amalan Perubatan



13. Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
14. Pengarah  
Bahagian Kejururawatan
15. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Kesihatan
16. Pengarah  
Bahagian Pemakanan
17. Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit
18. Pengarah  
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
19. Pengarah  
Bahagian Perancangan
20. Pengarah  
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
21. Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
22. Pengarah  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
23. Ketua Unit  
Cawangan Audit Dalam
24. Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Penasihat Undang-Undang
25. Pengarah  
Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari



26. Ketua Unit  
Unit Integriti
27. Ketua Unit  
Unit Komunikasi Korporat
28. Pengarah  
Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH)



## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah  
Hospital Tunku Azizah

Pengarah  
Institut Perubatan Respiratori

Pengarah  
Pusat Darah Negara

Pengarah  
Institut Kanser Negara

Pengurus  
Institut Kesihatan Negara



**MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN**

Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan  
Lot 1853, Kg. Melayu  
47000 Sungai Buloh  
**SELANGOR**

Ketua  
Makmal Kesihatan Awam Ipoh  
Lot 39052, Jalan Jelapang  
30020 Ipoh  
**PERAK**

Ketua  
Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru  
Jalan Persiaran Tanjung Tampoi,  
81200 Johor Bahru  
**JOHOR**

Ketua  
Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu  
Lot 522, KM 10, Jalan Kuala Krai  
16010 Kota Bharu  
**KELANTAN**

Ketua  
Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu  
Bukit Padang, Jalan Kolam  
88850 Kota Kinabalu  
**SABAH**



**AGENSI AWAM**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Level 6, Prima 9, Prima Avenue II,  
Block 3547, Persiaran APEC,  
63000 Cyberjaya,  
**SELANGOR**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Perubatan Malaysia  
Kompleks Kementerian Kesihatan,  
Aras 4, Blok D,  
Jalan Cenderasari,  
**50590, KUALA LUMPUR**